



PRESS RELEASE

PERLAKSANAAN SISTEM AUTOMATED CLEARING HOUSE DIRECT CREDIT BRUNEI

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama pihak Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) memperkenalkan *Direct Credit* ke dalam sistem *Automated Clearing House System* (ACH) pada hari ini, 3 Mac 2017. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan sistem Brunei *Real-Time Gross Settlement System* (RTGS), iaitu sistem pemindahan elektronik dana yang bernilai tinggi diantara bank-bank pada tahun 2014, dan proses penjelasan cek automatik sistem melalui ACH pada tahun lepas.
2. *Direct Credit* adalah pemindahan bayaran-bayaran yang bernilai rendah secara elektronik melalui sistem ACH, yang mana pihak bank akan membuat pembayaran terus ke dalam akaun penerima di bank lain sekurang-kurangnya satu hari lebih cepat daripada menggunakan cek.
3. Proses *Direct Credit* adalah juga cepat, mudah dan murah untuk membuat pemindahan dana ke dalam akaun pelanggan di bank lain, seperti untuk pembayaran gaji, pembayaran pencen, pembayaran pembekal, pembayaran dividen, dan lain-lain. Proses ini adalah amalan terbaik dunia, yang juga telah terbukti sebagai salah satu sistem yang kos-efektif dan kaedah yang amat berkesan dalam penghantaran ke dalam akaun pelanggan.
4. Penggunaan cek dan wang tunai adalah lebih mahal dan kurang selamat, jika dibandingkan dengan *Direct Credit*. Penggunaan *Direct Credit* juga boleh meningkatkan keberkesanan dalam memproses pengendalian maklumat kewangan peribadi, dan seterusnya menghindari risiko aktiviti penipuan yang berkaitan dengan penggunaan cek fizikal.
5. Antara objektif *Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint 2016-2025* (FSBP) adalah untuk mengurangkan penggunaan cek sekurang-kurangnya sebanyak 50 peratus menjelang tahun 2020, selaras dengan negara-negara jiran di rantau ini, dan untuk memastikan semua cek di antara bank-bank yang bernilai tinggi, digantikan kepada bayaran RTGS untuk penyelesaian yang cepat dan tidak berisiko. AMBD dan bank-bank di Negara Brunei Darussalam akan terus berkerjasama dalam menyediakan dasar-dasar bagi menggalakkan pelanggan untuk menggunakan kaedah elektronik yang lebih dipercayai, cekap dan selamat.
6. Fasa inovatif AMBD seterusnya adalah untuk merancang dan menyediakan dasar bagi "*interoperable market infrastructure for retail payments*". Ini adalah termasuk kad pembayaran, perbankan internet, bayaran telefon mudah alih, dan instrumen pembayaran teknologi baru yang lain. Ini adalah selaras dengan inisiatif AMBD untuk menggalakkan ekonomi e-pembayaran. Pada masa yang sama, AMBD juga akan melaksanakan *Central Securities Depository* (CSD), iaitu operasi perkhidmatan sekuriti dan depositori secara automatik bagi Sukuk Kerajaan dan sekuriti-sekuriti lain yang diterbitkan di Negara Brunei Darussalam.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date : 3 Jamadilakhir 1438 / 2 March 2017

Ref. : AMBD/COMMAS/2017/2